

## SIARAN MEDIA

### RM1.8 JUTA UNTUK BAIK PULIH DAN PENYELENGGARAAN PPR LEMBAH SUBANG 1 (TAMAN PUTRA DAMAI) SELANGOR

---

**SELANGOR, 23 Jun 2023** – YB Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 1 (Taman Putra Damai) di Petaling Jaya, Selangor pada hari ini.

Lawatan kerja rasmi pada hari ini adalah untuk meninjau keadaan PPR tersebut setelah menerima keluhan dan rintihan penduduk mengenai keadaan rumah, harta bersama dan persekitaran PPR Lembah Subang 1. PPR ini siap dibina pada Mac 1999 (Fasa 1) dan September 2000 (Fasa 2) yang mengandungi 3,004 unit rumah dengan 8 blok 17 tingkat dengan kos pembinaan sebanyak RM109 juta.

Dengan mengambil kira PPR ini yang berusia hampir 25 tahun, tidak dinafikan keadaan unit rumah yang perlu dibaik pulih dan diselenggara termasuk kemudahan bersama seperti lif, bumbung, dewan dan taman permainan. Sejak tahun 2017 hingga 2023 iaitu dalam tempoh pengurusan PPR ini dibawah KPKT, sebanyak RM30.6 juta telah disalurkan untuk pembaikan dan penyelenggaraan di PPR Lembah Subang 1. Nilai ini tidak termasuk kos bayaran yang dibayar kepada ejen pengurusan yang menguruskan PPR tersebut.

Menurut YB Timbalan Menteri, 'lawatan kerja dan perbincangan pada hari ini adalah usaha sama di antara KPKT bersama Kerajaan Negeri dan alhamdulillah, kedua-dua Kerajaan telah bersetuju dan komited untuk menambahbaik kehidupan penduduk PPR di sini demi menjaga kesejahteraan dan kehidupan penduduk yang berdaya huni”.

Menurut YB Timbalan Menteri, KPKT telah bersetuju menyalurkan peruntukan sebanyak RM746 ribu untuk penggantian susur tangan (*handrail*) di semua blok iaitu tambahan kepada RM1.063 juta peruntukan sedia ada tahun 2023 yang menjadikan jumlah peruntukan sebanyak RM1.8 juta yang meliputi kerja-kerja pendawaian elektrik, penyelenggaraan 14 unit lif, baikpulih 2 unit rumah yang terbakar di PPR Lembah Subang 1.

KPKT, Kerajaan Negeri yang diwakili oleh Ahli Parlimen Petaling Jaya serta wakil penduduk PPR Lembah Subang 1 telah bersetuju untuk menubuhkan Badan Bertindak Penduduk bagi melaksanakan gerak kerja untuk menambahbaik persekitaran dan kehidupan di PPR. Badan Bertindak ini akan dianggotai oleh wakil Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan penduduk. Ini merupakan usaha bersama semua pihak bagi meningkat *community empowerment* di PPR ini.

Selain itu, KPKT juga amat mengalu-alukan usaha dan kerjasama semua pihak seperti ThinkCity, Pertubuhan Bukan Kerajaan (*NonGovernment Organization* - NGO) untuk turut sama menyumbang tenaga, idea dan usaha memperbanyakkan aktiviti komuniti bersama penduduk di sini.

Lawatan kerja dan perbincangan pada hari ini membuahkan hasil yang positif dan menunjukkan komitmen Kerajaan Perpaduan untuk kesejahteraan dan mengembalikan keyakinan rakyat kepada Kerajaan.

Turut hadir semasa lawatan kerja tersebut ialah YB Tuan Lee Chean Chung, Ahli Parlimen Petaling Jaya, YBrs Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad, YBhg. Dato' Jayaselan a/l K. Navaratnam Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, YB Tuan Halimey bin Abu Bakar, ADUN Seri Setia, dan ketua jabatan peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) akan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi merealisasikan perancangan pembangunan demi meningkatkan mutu perkhidmatan dan kesejahteraan rakyat.

**#MalaysiaMadani**  
**#StrongerTogether**  
**#DemiPertiwi**  
**#UnityInDiversity**

---

*Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

